

CNS5916

R GB 16-07 00206 BA602

bah

BBC - Mahathir

BBC FOKUS KEPADA WAWASAN MAHATHIR UNTUK MALAYSIA

Daripada Wan A.Hulaimi

1

LONDON, 16 Julai (Bernama) -- Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kadar pertumbuhan tinggi oleh Malaysia dijadikan fokus untuk perbandingan dalam perdebatan mengenai kemerosotan industri Britain dan arah aliran masa depan menerusi siaran berita "Newsnight" yang disiarkan oleh BBC2 pada hari Khamis.

Program yang memakan masa selama 45 minit itu bermula dengan pertanyaan daripada Jeremy Paxton. Hampir 30 minit daripada rancangan selama 45 minit itu tertumpu kepada renungan mengenai beberapa pengajaran dari Malaysia.

"Bagaimana Malaysia mampu mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak lapan peratus setahun? Mereka mempunyai wawasan untuk masa depan dan bagi mereka, usaha ke arah itu mencapai kejayaan. Di mana silap kita?"

Jawapannya ada pada Dr Mahathir yang berkata: "Anda telah hilang arah haluan dan pedoman. Anda telah mengetepikan semua nilai-nilai yang diwarisi dan menggantikannya dengan idea bahawa semua harus menikmati kebebasan."

Selepas membaca laporan dari Malaysia oleh wartawan Newsnight Elenka Freinkel, dua peserta -- seorang pengusaha yang terkemuka dan Setiausaha agung sebuah kesatuan sekerja -- bersetuju bahawa Britain telah kehilangan arah aliran dan kurang wawasan bagi masa depan. -- Lagi.

▼16/07/19-52MST

CNS5940

R GB 16-07 00216 BA603

bah

BBC - Mahathir 2 London

Seorang lagi peserta, Menteri Industri Tim Sainsbury bersetuju bahawa produktiviti yang tinggi oleh Malaysia merupakan sesuatu yang boleh dijadikan contoh oleh Britain walaupun beliau mulanya membangkitkan sama ada langkah-langkah Dr Mahathir sesuai untuk Britain.

Dr Mahathir memberitahu wartawan BBC itu bahawa di samping ketiadaan arah tujuan, Britain juga menikmati taraf kehidupan yang di luar kemampuannya untuk menjadi kompetitif di dunia.

"Mereka (Britain) harus menurunkan taraf hidupnya dahulu ke tahap yang mampu olehnya. Kemudian barulah berusaha ke peringkat atas dengan menjadi kompetitif semula. Contohnya, anda tahu bahawa elauan pengangguran yang dibayar di Britain terlalu tinggi hingga tidak mungkin anda dapat membayar upah lebih rendah daripada itu," kata beliau.

Laporan mengenai Malaysia itu berkisar pada kadar pertumbuhan tinggi yang berterusan, industri berteknologi tinggi, kestabilan politik dan ekonomi dan masyarakat pelbagai kaum.

Freinkel berkata: "Dalam masa kurang satu dekad, Malaysia telah bertukar daripada negara Dunia Ketiga yang membekal tenaga buruh dan bahan mentah yang murah kepada salah sebuah ekonomi yang paling pesat berkembang di dunia.

"Walaupun ia bermula lewat iaitu bertahun-tahun di bekalang Jepun dan Taiwan selaku perintis ekonomi di rantau ini, Malaysia telah mencapai kestabilan politik dan ekonomi dan sedang bergerak pantas ke arah itu," kata beliau. -- Lagi.

▼16/07/20-25MST

CNS5946

R GB 16-07 00207 BA604

bah

BBC - Mahathir 3 (akhir) London

Beliau berkata, jika Malaysia mengekalkan kadar pertumbuhan sekarang, ia bukan sahaja akan mencapai wawasannya menjelang tahun 2020 tetapi, bersama negara ekonomi yang lain di rantau itu, akan mengatasi Barat.

Dalam wawancara di kediamannya, Dr Mahathir mempertahankan sikap "Big Brother" Malaysia dan had bagi kebebasan.

Beliau berkata: "Kami beritahu rakyat bahawa ini baik, itu tidak baik dan bahawa inilah yang harus dilakukan dan diterima, dan ada perkara yang tidak harus dilakukan.

"Daripada satu segi, kerajaan memberi banyak bimbingan, seolah-olah, kata orang seperti "Big Brother". Lihat pula kepada Barat sekarang, anda telah mempraktikkan idea tentang kebebasan sehingga ia benar-benar merosakkan masyarakat. Perkara seperti itu tidak berlaku di sini."

Ketika ditanya oleh Paxman apakah yang boleh dipelajari daripada Malaysia, pengusaha terkemuka Karl Watkin menjawab: "Saya fikir Dr Mahathir telah menjelaskan segalanya, negara itu memang mempunyai wawasan. Ia mempunyai arah tujuannya dan mempunyai keazaman untuk membina asas ekonomi yang kukuh. Saya rasa wawasan atau arah tujuan dalam industri pembuatan tidak ada di UK."

Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-pekerja Pembuatan, Sains dan Kewangan (MSF) Roger Lyons juga bersetuju bahawa, tidak seperti Malaysia, Britain ketiadaan wawasan. -- Bernama.

WAH LDB FAZ NMO.

•16/07/20-43MST